



## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	1/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	KeTSA		

## Selangor syor permit bagi Hutan Simpan Kuala Langat Selatan

**Kuala Langat:** Kerajaan Selangor bercadang mengeluarkan permit penggunaan tanah seluas 1,700 hektar di Hutan Simpan Kuala Langat (HSKL) Selatan untuk kegiatan pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian, berkata langkah itu bagi mengawal pencerobohan tanah dilakukan pihak tidak bertanggungjawab di kawasan berkenaan yang menyebabkan berlaku kebakaran tanah gambut di situ pada setiap tahun.

Beliau berkata, ini kerana tindakan petani haram membakar sisa tanaman bagi membersihkan kawasan sebelum memulakan penanaman baharu.

Susulan itu, katanya, Jabatan Perhutanan Selangor menerusi Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) akan mengeluarkan permit itu bagi memudahkan proses kawalan serta pemantauan kebakaran di kawasan terbabit.

"Kawasan hutan bertanah gambut di situ sering berdepan ancaman berikutan kejadian kebakaran pada setiap tahun.

"Jadi, kita cadang mengeluarkan permit penggunaan tanah bagi mereka yang berminat menjalankan tanaman pertanian kontan menggunakan teknologi lebih canggih.

"Ia akan berupaya mengawal pencerobohan dan pembakaran terbuka yang dipercayai dilakukan petani haram," katanya pada sidang media ketika meninjau kawasan kebakaran tayar ricih terpakai di Telok Panglima Garang, dekat sini.

Terdahulu, kawasan seluas lebih 2.8 hektar terbakar di HSKL Selatan sejak Sabtu lalu dan difahamkan, proses pemadaman masih dijalankan di kawasan seluas 1.2 hektar.

**Ia akan berupaya mengawal pencerobohan dan pembakaran terbuka yang dipercayai dilakukan petani haram**

**Hee Loy Sian,**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Tetap Pelancongan,  
Alam Sekitar  
& Teknologi Hijau  
dan Hal Ehwal  
Orang Asli Selangor

